

<b>Headline</b>	<b>Frim tawar khidmat ujian formaldehid CARB</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>04 Jun 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Mahkamah</b>	<b>Circulation</b>	<b>60,000</b>
<b>Page No</b>	<b>27</b>	<b>Readership</b>	<b>180,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>330 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,815</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 5,445</b>



# Frim tawar khidmat ujian formaldehid CARB

**INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim)** mula menawarkan perkhidmatan ujian pembebasan formaldehid kepada pengeluar produk kayu komposit untuk eksport terutama ke Amerika Syarikat (AS) bagi memastikan pematuhan syarat yang ditetapkan oleh California Air Resources Board (CARB) di bawah Kawalan Toksik Bawaan Udara (ATCM).

Setelah menubuhkan Makmal Ujian Pembebasan Formaldehid sejak 2011 dan menghantar penyelidiknya untuk menjalani latihan yang dikendalikan oleh PT Mutuagung Lestari, Indonesia, Frim menjadi satu-satunya badan pengujian pihak ketiga dengan pengiktirafan CARB di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan tersebut.

Makmal ini telah dilengkapkan dengan bilik perapian, bilik utama dan makmal kimia dikendalikan penyelidik terlatih yang berupaya untuk menjalankan ujian ke atas produk. Bagi menjalani ujian, dua hingga tiga keping sampel MDF, papan partikel atau papan lapis diperlukan oleh makmal dan proses ujian mengambil masa sehingga 14 hari bekerja termasuk penyiapan laporan.

"Perkhidmatan ujian yang kami tawarkan akan memberi manfaat kepada pihak pengeluar dan juga pembeli produk tersebut kerana kita boleh membantu dalam pengesahan kualiti produk berdasarkan piawaian ASTM (E1333-10).

"Kita juga boleh membantu dalam pengesahan kadar pelepasan formaldehid bagi pihak pengimport

dan pengeksport produk tersebut sekiranya timbul pertikaian," kata Ketua Pengarah Frim, D'atuk Dr Abd Latif Mohmod.

CARB adalah lembaga yang menguatkuasakan ATCM untuk mengurangkan pelepasan formaldehid bagi produk komposit kayu dan barang siap. Langkah kawalan untuk mengehadkan pelepasan formaldehid daripada produk komposit kayu termasuk papan lapis kayu keras, diambil secara berperingkat mulai 1 Januari 2009 dan ia merupakan piawaian kandungan pembebasan formaldehid bagi produk panel berdasarkan kayu yang paling ketat di dunia.

Sejak 2008 lagi, Frim bekerjasama dengan PT Mutuagung Lestari, sebuah agensi di Indonesia yang diberi kuasa CARB sebagai badan pensijilan pihak ketiga yang rasmi, untuk menubuhkan makmal ujian tersebut. Ini adalah langkah yang sejarah dengan matlamat Frim untuk membantu industri tempatan mengatasi halangan teknikal dan syarat pasaran yang dikenakan oleh negara pengimport.

Pada 2011, Frim menandatangani Memorandum Persefahaman dengan PT Mutuagung Lestari untuk melanjutkan kerjasama dalam berusaha ke arah mendapatkan pensijilan dan pengiktirafan antarabangsa, memastikan keharmonian dalam prosedur, melakukan "cross-check" untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan ujian, serta menjalankan latihan sumber manusia.

<b>Headline</b>	Frim tawar khidmat ujian formaldehid CARB		
<b>MediaTitle</b>	Sinar Harian		
<b>Date</b>	04 Jun 2013	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Mahkamah	<b>Circulation</b>	60,000
<b>Page No</b>	27	<b>Readership</b>	180,000
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	330 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 1,815
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 5,445



Penolong penyelidik, Muhammad Deraman menjalankan ujian formaldehid CARB di Frim.